

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

**PLG 621 - Teori dan Perancangan Reka Bentuk Pengajaran**

Masa : 2 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**ARAHAN**

Jawab **EMPAT (4)** soalan semuanya.

Jawapan anda harus ditulis dalam buku jawapan yang disediakan.

Mulakan di atas kertas yang berasingan bagi setiap soalan yang dijawab.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

1. Kebanyakan pengkritik berpendapat bahawa model-model rekabentuk pengajaran bersistematik (*ISD models*) adalah terlalu formal dan berstruktur untuk mereka yang berpegang kepada paradigma konstruktivis. Berikan pendapat anda mengenai isu ini dan dengan merujuk kepada salah satu model yang telah anda pelajari, terangkan bagaimana model itu boleh diubahsuaikan supaya ia lebih fleksibel dan dapat menampung anjakan paradigma ini.  
(25 markah)
2. Penilaian adalah satu perkara penting dalam pengajaran. Bagaimanakah penilaian harus dilakukan dalam paradigma konstruktivis?  
(25 markah)
3. Konsep teori pengajaran sering dikelirukan dengan teori rekabentuk pengajaran. Di samping itu, ramai berpendapat bahawa teori pengajaran tidak wujud kerana ia tidak memenuhi konsep teori secara tradisionalnya. Huraikan pendapat anda tentang hal ini.  
(25 markah)
4. Dengan merujuk kepada teori pembelajaran (sama ada behavioris atau kognitivis), bincangkan apa yang dimaksudkan dengan kenyataan bahawa "pembelajaran telah berlaku"?  
(25 markah)
5. Teori Sistem Umum merupakan salah satu daripada tunggak bidang Teknologi Pengajaran. Bincangkan bagaimana ciri-ciri teori ini digunakan dalam proses mereka bentuk bahan pengajaran.  
(25 markah)
6. Menurut Kuhn (1996), anomali boleh mencetuskan anjakan paradigma. Bincangkan anomali-anomali yang wujud dalam teori behavioris yang menyebabkan *kewujudan* teori kognitivis.  
(25 markah)